

20 MAY 1999

KDNK-PENINGKATAN

AHLI EKONOMI JANGKA PENINGKATAN KETARA DALAM KDNK SUKU PERTAMA

Oleh: Arshi Mat Daud

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku pertama mungkin melihat peningkatan ketara daripada pengucupan 8.1 peratus yang dicatatkan pada suku terakhir 1998, ahli-ahli ekonomi berkata.

Menjangka ekonomi akan merosot di antara dua dan tiga peratus dalam bulan Januari hingga Mac, ahli-ahli ekonomi itu memberitahu Bernama bahawa suku kedua akan menunjukkan kejatuhan lebih rendah, diikuti oleh KDNK yang positif dalam separuh kedua tahun ini.

Seorang ahli ekonomi, yang telah meramalkan suku pertama KDNK akan menurun sebanyak cuma 2.7 peratus, berkata kesan reflasi ekonomi melalui mencurahkan mudahtunai ke dalam sistem perbankan hanya akan lebih ketara daripada suku kedua dan seterusnya.

Beliau juga berkata unjurannya 2.7 peratus timbul daripada pertumbuhan positif sektor pertanian dan perkhidmatan tetapi ini diimbangi oleh kejatuhan dalam pembuatan, perlombongan dan pembinaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata hari ini pertumbuhan bagi suku pertama tahun ini dalah di dalam jangkaan.

"Ia adalah di dalam sasaran yang kami unjurkan dan akan menyumbang kepada ramalan KDNK satu peratus (bagi tahun ini)," tambah beliau.

Ahli-ahli ekonomi berkata mereka sehingga ini telah mengunjurkan pertumbuhan KDNK di antara 0.6 peratus dan 0.8 peratus bagi keseluruhan tahun ini.

Bagaimanapun, mereka menambah kata bahawa dengan suntikan berterusan dan kelonggaran dasar kewangan oleh pihak berkuasa, sasaran satu peratus itu dalam boleh dicapai.

Seorang ahli ekonomi menekankan bahawa adalah penting mengekalkan ringgit ditetapkan pada 3.80 berbanding dolar AS bagi menggalakkan eksport kerana keluaran-keluaran Malaysia akan lebih murah sedikit berbanding sesetengah jirannya.

Bagi 1998, KDNK Malaysia jatuh 6.7 peratus. -- BERNAMA

AD LPS OS